

25 JUL 1999

Mahathir-Pelancongan

MALAYSIA SEDIA LONGGAR PERATURAN MASUK BAGI PELANCONG

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Malaysia sedia melonggarkan peraturan perjalanan dan visa demi kemudahan pelancong asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita mahu pelancong berada lebih lama di Malaysia dan oleh itu kita sanggup melonggarkan peraturan visa," kata Dr Mahathir sebelum menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Tema Teladan Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Emkay Group of Companies dan Golden Life Resort Bhd di sini.

MoU itu ialah bagi pembelian 220 unit banglo, kotej dan apartmen di Langkawi Lagoon di sini oleh Tema Teladan bagi pasangan berbulan madu dari Korea. Di majlis itu Tema Teladan diwakili oleh Pengerusi Eksekutif Emkay, Tan Sri Mustapha Abu Bakar sementara Golden Life Resort pula oleh Pengarah Urusannya Soo Yoon Chan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu mengalakkan pelancongan kerana ia akan membantu pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata, kerajaan akan cuba menampung sebanyak mana keperluan pelancong termasuk pelancong dari Korea yang telah pulih dengan cepat selepas krisis ekonomi pada 1997 dan 1998.

Dr Mahathir berkata, Korea merupakan negara pertama di Asia Timur untuk pulih dengan pemulihan ekonomi mereka kukuh.

Dalam mengucapkan tahniah kepada kerajaan Korea kerana pencapaiannya, Dr Mahathir berkata: "Bagi kita, kemakmuran jiran sesuatu yang kita sentiasa menyambut baik kerana kemakmuran mereka akan membantu kemakmuran kita sendiri".

Dr Mahathir berkata, bila Korea makmur ini akan membolehkan rakyat mereka melancong dengan lebih kerap khususnya pada bulan madu pertama mereka.

Perdana Menteri berharap lebih ramai rakyat Korea akan melawat Malaysia dan hubungan rakyat dengan rakyat adalah cara terbaik dalam menjalin persahabatan.

Malaysia sebuah negara yang mesra dan pelancong khususnya rakyat Korea boleh menikmati pelbagai tarikan dan menjimatkan perbelanjaan, kata Dr Mahathir.

Dengan ekonomi Korea semakin pulih, beliau berharap ramai pelancong dari negara itu akan melawat Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata, hubungan antara kedua-dua negara adalah baik dan dengan banyak rakyat Korea bekerja di sini juga menyumbangkan kepada perkembangan di Malaysia.

Mengenai projek Lagoon Langkawi bernilai RM250 juta, Dr Mahathir berkata ia menandakan sektor pelancongan sedang pulih dan beliau yakin ia merupakan permulaan semula pertumbuhan industri pelancongan Langkawi.

Beliau agak pasti yang projek itu akan berjaya dan projek-projek lebih kurang sama akan diteruskan di seluruh negara.

Dengan menyambut baik penyertaan rakan-rakan asing dalam pelaburan, Dr Mahathir berkata kerajaan berhasrat membangunkan kawasan seluas 500 hektar berhampiran projek itu.

-- BERNAMA

NH PR